



## *MODUL AMAN JAYA 2018*

### DEFINISI PERNIAGAAN

Pn Salmi bercita-cita untuk menjalankan satu perniagaan dengan adiknya yang baru tamat belajar. walaubagaimanpun, beliau kurang arif untuk menetapkan tujuan dan hala tuju perniagaanya.

Adik Pn Salmi menjelaskan pengertian perniagaan yang betul kepadanya. Dengan menggunakan rajah di bawah , bantu adik Pn Salmi untuk menerangkan definisi sebenar perniagaan kepada Pn Salmi.



## MODUL AMAN JAYA 2018

Perbualan di bawah antara Encik Farhan , pemilik syarikat dengan Pn Salmi, pengurus operasi sebuah syarikat di Pasir Gudang, Johor.

- |              |   |
|--------------|---|
| Pn Salmi     | : Encik Farhan, kita perlu menambah bilangan jurujual kita untuk meyakinkan pembeli.  |
| Encik Farhan | : Berapa jenis barang dan perkhidmatan yang kita keluarkan sekarang ?   |
| Pn Salmi     | : Setakat ini kita sudah keluarkan 200 produk makanan dan 20 jenis perkhidmatan.  |
| Encik Farhan | : Tetapi kita harus ingat , selain keuntungan perniagaan kita perlu ditingkatkan , kita juga perlu memastikan kperluan dan kehendak pengguna di penuhi. |
| Pn Salmi     | : Baiklah Encik Farhan , tetapi kita juga perlu pastikan pelanggan puas hati dengan apa yang mereka beli.   |

Lengkapkan rajah di bawah berdasarkan perbualan di atas.



## MODUL AMAN JAYA 2018



Penentuan hala tuju dan matlamat perniagaan berbeza antara peniaga. Bandingkan dan berikan contoh perniagaan di bawah untuk memastikan peniaga tahu tujuan asal perniagaan masing-masing.



## MODUL AMAN JAYA 2018

### OBU

Bermaksud organisasi yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran dan jualan barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan untung

### OBBU

Bermaksud : organisasi yang menyediakan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan awam dalam pelbagai bidang bukan bermotifkan untung

- Barang
  - 1) Restoran KFC
  - 2) Butik Neelofa
  - 3) Kedai Runcit
  - 4) Pasaraya Maideen
- Perkhidmatan
  - 1) Kedai Gunting
  - 2) Syarikat Guaman
  - 3) Astro
  - 4) bank

- Perkhidmatan
  - 1) Asrama Anak Yatim
  - 2) Persatuan Bulan Sabit Merah
  - 3) Galeri Seni
  - 4) Rumah Orang Tua
  - 5) Pusat Perlindungan Haiwan
  - 6.) Majlis Kanser Nasional (MAKNA)


Jawapan lain yang diberi oleh pelajar yang sesuai dan betul juga boleh diterima

Peranan sesuatu perniagaan adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan yang pelbagai. Aktiviti perniagaan ini turut melibatkan pihak kerajaan dan juga pihak swasta. Bezakan jenis aktiviti perniagaan di bawah dengan memberikan contoh perniagaan yang sesuai.

Disebabkan.....




## MODUL AMAN JAYA 2018





## MODUL AMAN JAYA 2018

Mr Ravi mahu mendaftarkan perniagaan beliau. Apabila mengisi borang pendaftaran, beliau tidak pasti jenis milikan perniagaan yang beliau ceburi. Lengkapkan bentuk dan ciri-ciri pemilikan perniagaan berikut untuk membantu Mr Ravi mendaftarkan perniagaannya :





- A. En Tan berhasrat untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku dalam bentuk francais. Beliau merasakan perniagaan francais ini mampu memberikan peluang yang cepat kepada beliau untuk memperluaskan perniagaannya ke peringkat global. Senaraikan ciri-ciri perniagaan Francais yang boleh membantu En Tan..
- B. Selain itu , En Tan juga turut menawarkan kepada kawan-kawan perniagaan beliau untuk menjalankan usaha sama dalam mebesarkan saiz perniagaanya. Lengkapkan kelebihan dan kekurangan perniagaan usahasama di bawah untuk meyakinkan kawan-kawan En Tan.

## FRANCAIS

### **CIRI-CIRI**

- Jenis perniagaan ditentukan oleh francaisor
- Tempoh perniagaan dintetapkan
- Hak menggunakan cap/rahsia dagangandan sebagainya
- kawalan yang berterusan oleh francaisor
- Francaisor memberi bantuan kepada francaisi
- bayaran kepada francaisor dalam bentuk fi atau apa-apa bentuk
- perniagaan secara berasingan

## USAHASAMA

### **Kelebihan US**

- Perkongsian antara 2 atau lebih individu/syarikat
- memenuhi keperluan kewangan untuk melaksanakan projek
- pasaran lebih besar
- Teknologi dan kepakararan di kongsi
- Risiko perniagaan dikongsi bersama

### **Kekurangan US**

- visi dan misi syarikat berbeza
- perbezaan budaya dan cara kerja
- pembahagian liabiliti tidak sama rata



## MODUL AMAN JAYA 2018

En Ridza telah memulakan perniagaan restoran sendiri secara kecil-kecilan sewaktu beliau masih bekerja sebagai posmen. Selepas dua tahun, En Ridza mempelawa beberapa orang rakannya untuk menjadi rakan kongsi dalam perniagaannya. En Hisham bersetuju untuk menyumbang modal sahaja tetapi tidak mahu terlibat dalam pegurusan restoran. Manakala En Hamid pula mahu menyumbang modal dan menjadi salah seorang pengurus syarikat mereka. Pn hani juga mahu menjadi rakan kongsi tetapi beliau tiada modal dan tidak terlibat dalam urusan restoran. Berdasarkan situasi ini, lengkapkan ienis- ienis dan liabiliti rakan kongsi En Ridza.

### Rakan Kongsi Lelap

- MENYUMBANG MODAL SAHAJA
- Laibititi tidak terhad
- tidak terlibat dalam pengurusan

### RAKAN KONGSI BIASA

- LIABILITI TIDAK TERHAD
- Menyumbang modal dan terlibat dalam pengurusan

### RAKAN KONGSI NOMINAL

- SUMBANG NAMA SAHAJA
- Tidak perlu menyumbang modal
- liabiliti tidak berhad

### RAKAN KONGSI AKTIF

- LIABILITI TIDAK TERHAD
- Menyumbang modal serta terlibat aktif dalam pengurusan



## MODUL AMAN JAYA 2018

Untuk menetapkan saiz perniagaan yang ingin diceburi , peniaga perlu pastikan semua kriteria yang diperlukan lengkap. Lengkapkan klasifikasi perniagaan mengikut saiz dalam rajah di bawah.

### KECIL

- 1)Jualan tahunan( barangang..300,000- 3 juta..)/(perkhidmatan 300 ribu-3 juta)
- 2) pekerja tetap (5-75 orang)/ perkhidmatan (.....5 -30 orang.....)

### SEDERHANA

- 1) Jualan tahunan barangang ( 15 - 50 juta)/ perkhidmatan (...3 juta - 20 juta.)
- 2) Pekerja. 75 - 200 orang..../ perkhidmatan (30 - 75 orang)

### BESAR

- 1) Jualan tahunan barangang (..50 juta ke atas....)/ perkhidmatan (20 juta ke atas)
- 2) pekerja ( lebih 200 orang)/ perkhidmatan (. 200 orang ke atas..)



## MODUL AMAN JAYA 2018

Sebuah Syarikat Kontraktor yang baru mula beroperasi memerlukan bantuan untuk mengenal pasti sektor perniagaan yang mereka ceburi. Bantu syarikat tersebut dengan memberikan contoh definisi dan contoh sektor perniagaan berikut:

### SEKTOR PERNIAGAAN

#### Sektor Utama (Primer)

- Melibatkan aktiviti berkaitan alam semulajadi dari bumi atau lautan.
- cth :
  - 1) perlombongan
    - - petroleum
    - - bijih timah
    - - bouksit
  - 2) Pertanian
    - - kelapa sawit
    - - getah
    - - nenas
  - 3) Pembalakan
    - - Kayu cengal
    - - kayu jati
  - 4) Perikanan
    - - laut dalam
    - - air tawar
    - - pinggir pantai
    - - akuakultur
    - - kolam ternakan

#### Sektor Kedua (Sekunder)

- Melibatkan aktiviti memproses bahan mentah untuk menghasilkan barang siap atau separuh siap.
- Cth : menghasilkan kereta nasional
  - - kilang tayar
- 1) Perkilangan dan Pembuatan
- 2 kejuruteraan
- 3)pembekalan tenaga
- 4) pembinaan

#### Sektor Ketiga (Tertier)

- Melibatkan aktiviti membekalkan perkhidmatan terus dari pengeluar kepada pengguna
- Cth : perkhidmatan swasta
  - 1) Malaysian Airline Sistem (MAS)
  - 2) Telekom
  - 3) Hospital swasta
- Cth : Perkhidmatan Awam
  - 1) Jabatan Alam Sekitar
  - 2) pendidikan
  - 3) perubatan awam
- cth : Perkhidmatan sukarela/kebajikan
  - 1) AMAN PALESTIN
  - 2) Mercy malaysia



## *MODUL AMAN JAYA 2018*

Bagi melancarkan sesuatu perniagaan, pihak pengurusan perlu mengenal pasti saiz perniagaan yang akan di jalankan.

Pastikan perniagaan anda dapat ditentukan mengikut saiz dan skala berikut :

### **SKALA PERNIAGAAN**



## DOMESTIK



### A. TEMPATAN

- pasaran dalam daerah
- perniagaan **saiz kecil**
- Kos perniagaan rendah

### B. Negeri

- Pasaran dalam satu negeri  
cth Negeri Perak
- Perniagaan saiz sederhana
- **kos perniagaan lebih tinggi berbanding skala tempatan**

### C. KEBANGSAAN

- pasaran keseluruhan Malaysia
- **saiz perniagaan lebih besar**
- **kos perniagaan lebih tinggi**

## ANTARABANGSA



### A. ZON

- meliputi zon pasaran tertentu
- contoh :
  - 1) Zon Asean
  - 2) **Asia Pasifik**
  - 3) **Negara Timur Tengah**
  - 4) **Blok Asia Barat**

### B. GLOBAL

- Pasaran ke seluruh dunia.
- contoh :
  - 1) Petronas
  - 2) **Felda**
  - 3) **Tabung Haji**
  - 4) **Air Asia**

Perkembangan sejarah perniagaan di negara kita berubah mengikut peredaran masa. Berikan perkembangan sektor perniagaan dalam rajah di bawah.



## MODUL AMAN JAYA 2018

### PERKEMBANGAN SEKTOR PERNIAGAAN DI MALAYSIA

